

Konvensyen Usahawan JUARA di USIM

KUALA LUMPUR 29 Okt. - Jaringan Usahawan Angkatan Redha Allah (JUARA) buat julung-julung kalinya akan mengadakan program Konvensyen Usahawan di beberapa institusi pengajian tinggi (IPT) sebagai usaha menggalakkan graduan khususnya golongan bumiputera menceburi bidang perniagaan seterusnya dapat meningkatkan ekonomi negara di masa depan.

Pengerusinya, Datuk Jamaludin Shahidan berkata, karnival tersebut yang akan bermula di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pada Ahad ini diwujudkan bagi menggalakkan serta mendedahkan graduan segala ilmu berkaitan bidang keusahawanan.

Katanya, ia sebagai menyahut seruan kerajaan untuk melahirkan graduan yang memiliki sifat-sifat berani, cekal dan sanggup mengambil risiko di samping bersifat Muslim sejati bagi menceburi bidang keusahawanan.

"Kita menjemput beberapa tokoh dan selebriti seperti Fizo Omar untuk memberi ceramah dan berkongsi kejayaan dalam perniagaan. Pelajar perlu diberi pendedahan awal supaya mereka dapat merancang tindakan sebaik sahaja



JAMALUDIN SHAHIDAN

menamatkan pengajian. Mereka perlu buka peluang pekerjaan kepada masyarakat bukan mencari pekerjaan.

"Banyak institusi pengajian tinggi yang mempunyai platform perniagaan tetapi dapat mengembangkannya. Kita perlu bimbing mereka supaya jalinan dapat diwujudkan seterusnya melahirkan usahawan berjaya yang menembusi pasaran tempatan dan antarabangsa," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini.

Program di USIM menyediakan pelbagai aktiviti menarik antaranya gerai jualan dan cabutan bertuah. Lebih 20 gerai jualan yang menjual pelbagai produk dibuka pada hari tersebut.

Dalam pada itu, Jamaludin berkata, pihaknya akan bertemu alumni USIM yang mempunyai hampir 10,000 ahli untuk membincangkan bentuk pelaburan yang dapat diwujudkan bersama pelbagai pihak termasuk IPT.

Menurutnya, JUARA membantu pihak yang berminat untuk melengkapkan individu yang berminat dengan ilmu pengetahuan termasuk teori dan praktikal demi memastikan mereka mampu bersaing.

"Banyak IPT yang mempunyai produk, tetapi tidak tahu cara untuk meluaskan pasaran mereka. Kita mahu mereka hasilkan lebih banyak produk serta dapat memasarkannya dengan strategi yang kita dapat pelajari.

"Kepada mereka yang berminat atau mempunyai sebarang pertanyaan lanjut berhubung konvensyen ini, boleh hubungi saya di talian 012-2091505 atau 019-3670049," katanya.